



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI**  
**MALAYSIA**

(Bagi Minggu 23/2020 dari 31 Mei hingga 6 Jun 2020)

Situasi kes Demam Denggi pada minggu ke-23 terus menunjukkan peningkatan dengan sebanyak 1,871 kes dan dua (2) kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan berbanding 1,625 kes dan tiada kematian pada minggu sebelumnya. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 48,584 kes berbanding 54,524 kes bagi tempoh sama tahun 2019 (penurunan 10.9%) manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 84 kematian berbanding 83 kematian bagi tempoh sama tahun 2019 iaitu peningkatan sebanyak 1 kematian (1.2%) **(Lampiran A & C)**.

Tren peningkatan berterusan sejak lapan (8) minggu lepas yang bermula sejak pertengahan bulan April 2020 adalah menyerupai tren yang ditunjukkan pada tahun 2019 serta kes median untuk 5 tahun bagi 2015 hingga 2019 **(Lampiran B)**. KKM menjangkakan peningkatan kes Demam Denggi gelombang kedua akan berlaku bermula dari awal bulan Jun dan berterusan sehingga bulan September 2020.

Lokaliti hotspot yang dilaporkan juga meningkat kepada 99 lokaliti hotspot pada minggu ke-23 berbanding 98 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Sebanyak 61.6% atau 61 lokaliti hotspot dari keseluruhan 99 lokaliti hotspot berada di negeri Selangor, diikuti 26 lokaliti hotspot (26.3%) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, seterusnya masing-masing lima (5) lokaliti hotspot di Perak (5.1%) dan di Negeri Sembilan (5.1%) serta masing-

masing satu (1) lokaliti hotspot di Melaka (1.0%) dan di Kelantan (1.0%) **(Lampiran B & D)**.

Jangkitan Chikungunya melaporkan sebanyak 136 kes pada minggu ke-23 dengan majoriti kes adalah dari negeri Perak (74 kes) dan Pulau Pinang (55 kes). Manakala sebanyak enam (6) kes dilaporkan dari negeri Kelantan dan satu (1) kes dari Kedah. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah sebanyak 732 kes **(Lampiran E)**. Bagi surveilan Zika, sebanyak 776 sampel darah dan 12 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan kesemuanya adalah negatif Zika.

Berdasarkan tren peningkatan kes mingguan Demam Denggi tahun-tahun sebelum yang berlaku bermula daripada bulan Jun sehingga September, masyarakat perlu mengambil sikap proaktif dan lebih mempergiatkan pembersihan persekitaran serta memusnahkan tempat pembiakan Aedes. Selaras dengan pembukaan lebih banyak sektor ekonomi, institusi pendidikan serta rumah ibadah pada fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermula 10 Jun 2020, semua pemilik premis perlu memeriksa serta membersihkan ruang yang telah lama ditinggalkan dari bekas yang mungkin telah menjadi tempat pembiakan Aedes.

Oleh yang demikian, sebelum ruang yang telah lama ditinggalkan tersebut digunakan, lakukan semburan aerosol untuk membunuh nyamuk dewasa yang mungkin membawa virus Denggi. Individu yang menunjukkan gejala jangkitan Demam Denggi juga perlu segera dapatkan rawatan awal bagi mengelakkan komplikasi yang dapat meragut nyawa. Mencegah jangkitan Demam Denggi adalah tanggungjawab semua lapisan masyarakat. Tidak peduli, maut menunggu. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**

Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia


16 Jun 2020




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 22 dan ke- 23 tahun 2020



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 23 tahun 2020 dan tempoh sama tahun 2019



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2020, 2019 dan Median 2015-2019



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke- 23 tahun 2020

**KES DEMAM DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 23/2020  
(31 Mei hingga 6 Jun 2020)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 23/2020		Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 23/2019	
		Minggu Epid 23 (31 Mei – 6 Jun 2020)		Minggu Epid 22 (24 Mei – 30 Mei 2020)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	1	0	1	0	27	0	191	0
2	Kedah	15	0	18	0	419	0	860	2
3	P. Pinang	18	0	20	0	387	1	2,808	8
4	Perak	100	0	88	0	1,797	3	1,460	2
5	Selangor	769	0	757	0	27,712	28	31,427	29
6	WP KL & Putrajaya	383	0	304	0	5,000	5	5,826	2
7	N. Sembilan	65	0	78	0	1,281	4	1,096	6
8	Melaka	68	0	47	0	1,044	4	904	5
9	Johor	260	2	142	0	4,371	18	4,388	12
10	Pahang	43	0	42	0	1,242	4	593	4
11	Terengganu	18	0	17	0	176	0	318	0
12	Kelantan	49	0	30	0	1,700	4	1,516	2
13	Sarawak	21	0	23	0	1,037	2	759	0
14	Sabah	61	0	58	0	2,386	11	2,356	11
15	WP Labuan	0	0	0	0	5	0	22	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>1,871</b>	<b>2</b>	<b>1,625</b>	<b>0</b>	<b>48,584</b>	<b>84</b>	<b>54,524</b>	<b>83</b>

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 23/2020  
(31 Mei hingga 6 Jun 2020)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	H/Selangor	Apt Teratai Tbr Bb	131	181
2	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 8 Mentari Court	39	143
3	SELANGOR	H/Langat	Jln Bm 6/B Bandar Bukit Mahkota	56	115
4	SELANGOR	Petaling	Sek U3 (P/puri Daisy C : Blok 9-13)	19	103
5	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Puchong	23	90
6	WPKL	Titivangsa	Pa Desa Rejang (Blok A,B,C,D)	57	76
7	PERAK	Kinta	Rpt Chepor	52	71
8	SELANGOR	K/Langat	Pangsapuri Impian, Bsp	29	69
9	SELANGOR	Petaling	Sek 19 (Teres E : Jln 19/24 - 19/31)	29	68
10	PERAK	Kinta	Tmn Klebang Jaya	25	68
11	WPKL	Cheras	Flat Sri Sabah A(Blok 54-60)	25	65
12	SELANGOR	Petaling	Tmn Damai Utama 7 (P/puri Damai Utama)	25	64
13	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Indah 1 (Jln Indah 1)	19	64
14	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 5 (Jln Bk 5/9-18) & lpd Serdang	17	64
15	SELANGOR	H/Langat	Jalan Bm 6/A Bandar Bukit Mahkota	16	62
16	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 7 Shang Villa	69	61
17	SELANGOR	Sepang	Cyberia Smarhome	54	58
18	SELANGOR	Petaling	Sek 19 (Teres F : Jln 19/32 - 19/38b)	26	56
19	SELANGOR	Petaling	Tmn Equine (Flat Putra Permai Equine Blok B)	11	55
20	WPKL	Titivangsa	Sek 1 W/Maju Blok F	25	54
21	SELANGOR	Petaling	Sek U10 (Alam Budiman : Jln U10/68-77b)	8	54
22	N SEMBILAN	Seremban	Vision Homes	11	54
23	WPKL	Putrajaya	Presint 11 - Jalan P11a5	19	53
24	WPKL	Titivangsa	Ppr Hiliran Ampang	19	53
25	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Utama (Jln Pu 1)	29	53
26	WPKL	L/Pantai	Vista Komanwel A	20	52
27	SELANGOR	Petaling	Pju 1a Pprt Lembah Subang 2 (Blok A-F)	18	52

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
28	SELANGOR	Petaling	Seksyen 22 ( Pangsapuri Indahria )	18	52
29	SELANGOR	Klang	Bandar Putera 1 (01)	31	52
30	SELANGOR	H/Langat	Jln Tkp 10-20 Taman Kantan Permai	20	52
31	WPKL	Cheras	Vista Tasik	45	49
32	SELANGOR	Klang	Taman Indah 01	21	48
33	WPKL	Kepong	Menara Orkid	17	47
34	SELANGOR	K/Langat	Taman Seri Telok Datok	31	47
35	SELANGOR	Petaling	Pst Bdr Puchong (Jln Wawasan 2)	11	47
36	MELAKA	Jasin	Taman Maju Fasa 3	53	47
37	SELANGOR	Petaling	Seksyen 28 ( Flat E : Blok 47 - 54 )	10	46
38	SELANGOR	H/Langat	Jalan Hentian 2-6 Hentian Kajang	16	46
39	SELANGOR	H/Langat	Jalan Saga 20-28 Taman Saga	10	46
40	SELANGOR	Klang	Apartment Sri Ayu Bandar Putera	19	46
41	SELANGOR	Petaling	Kota Perdana Kp 4 (Mawar Jaya)	13	45
42	SELANGOR	H/Langat	Taman Desa Muhibbah	8	44
43	SELANGOR	H/Langat	Appt Taman Prima Cempaka	7	44
44	SELANGOR	Klang	Taman Sentosa 12	8	44
45	N SEMBILAN	Seremban	Appartment Desa Palma	10	44
46	SELANGOR	H/Langat	Jln 5c/5-11 & Jln 5d Tmn Langat Jaya	17	43
47	SELANGOR	Petaling	Pju 8 Apt Flora Damansara 1 (Blok A, B)	9	43
48	N SEMBILAN	Seremban	Taman Coral Height	24	43
49	WPKL	Putrajaya	Presint 11 - Jalan P11a1	10	42
50	SELANGOR	Gombak	Flat Rawang Perdana	12	41
51	WPKL	Kepong	Pelanggi Condominium (Blok A, B, & C)	23	40
52	SELANGOR	Petaling	Bt 14 Kg Bunga Melor	10	40
53	SELANGOR	Petaling	Seksyen U2 (Pangsapuri Ilham)	12	40
54	SELANGOR	Petaling	Seri Kembangan (Krtrs Polis & Krtrs Bomba)	15	40
55	SELANGOR	Petaling	Pju 6a Kg Sg Kayu Ara 5 (Jln Teratai, Melur, Mawar, Melati)	6	40
56	SELANGOR	Klang	Bandar Putera 1 (02)	28	40
57	PERAK	Kinta	Cherry Apartment	11	40

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
58	SELANGOR	Petaling	Usj 2/4	7	39
59	KELANTAN	K/Bharu	Pulau Gajah Hilir	20	39
60	WPKL	L/Pantai	Vista Komanwel C	18	38
61	WPKL	Titiwangsa	Hampshire Residence Condo	15	38
62	SELANGOR	Petaling	Sek 18 (Teres H : Jln 18/40-18/42)	8	38
63	SELANGOR	H/Langat	Taman Dalma Semenyih	12	38
64	SELANGOR	H/Langat	Appt Citra Taman Kajang Utama	4	38
65	PERAK	Kinta	Kg Simee	15	38
66	WPKL	L/Pantai	Cap Square Residence	13	37
67	WPKL	Titiwangsa	Sek 1 W/Maju Blok C	14	37
68	SELANGOR	Petaling	Bt 13 1/2 Koi Tropika	6	37
69	SELANGOR	Petaling	Sek 9 (Kondo Kemuncak Shah Alam)	12	37
70	WPKL	Titiwangsa	Kptoj (Jalan Handalan Blok 6,8,10)	18	36
71	WPKL	Cheras	Bandar Sri Permaisuri (Mentari Condo)	5	36
72	SELANGOR	Klang	Bandar Puteri 03	6	36
73	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Hartamas (Pangsapuri Pulau)	8	36
74	SELANGOR	Klang	Sek 36 (Jln Kebun : Jln Dato Sellathevan)	6	35
75	WPKL	Cheras	Jalan Mewah	9	34
76	WPKL	L/Pantai	Tmn Serangkai 1 (Sbhg Jln Jiran, Jln Jiran 1-12)	6	34
77	WPKL	Titiwangsa	Sek 1 W/Maju Blok B	10	34
78	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Jaya 7 (Bosnia)	7	34
79	SELANGOR	Petaling	Sri Pju 1a Pprt C : Blok G, H	15	34
80	SELANGOR	Klang	Bandar Puteri 06	11	34
81	PERAK	Kinta	K/B Pasir Pinji	20	34
82	WPKL	L/Pantai	Flat Tmn Bkt Angkasa (Blok 9 & Blok 16-20)	4	33
83	WPKL	Titiwangsa	Sek 10 Wangsa Maju (Blok C11-C14)	5	33
84	SELANGOR	Petaling	Seksyen 8 ( Teres A : Jln 8/1 - 8/13 )	19	33
85	SELANGOR	Petaling	Kt Ss 2 ( 1 )	7	33
86	N SEMBILAN	Seremban	Garden City Homes	8	33
87	WPKL	L/Pantai	Desa Sri Puteri (Blok D, E, F)	6	32



NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
88	WPKL	Putrajaya	Presint 17 - Ppam Pudina (Abcd)	10	32
89	WPKL	L/Pantai	Meadow Park 2	12	32
90	WPKL	L/Pantai	Tmn Salak Selatan A(Jln Hang Tuah 1-4,Jln Tuanku 1-4)	4	32
91	SELANGOR	Petaling	Sek 13 (P/puri Brunfield Riverview)	11	32
92	SELANGOR	Petaling	Sek 19 ( Flat A Jln 19/15 Blok 1 - 5 )	10	32
93	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Perdana (Lp 7-Flat)	4	32
94	SELANGOR	Petaling	Tmn Bkt Serdang 10 (Vista Impiana)	12	32
95	WPKL	Titivangsa	Kem Wardieburn (Blok G)	13	31
96	SELANGOR	Petaling	Tmn Perindustrian Sri Kembangan	7	31
97	SELANGOR	H/Selangor	Apt Mawar Tbr Bb	10	31
98	SELANGOR	H/Langat	Jalan Kempas Taman Impian Ehsan	9	31
99	N SEMBILAN	Seremban	Taman Matahari Height	12	31

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI  
SEHINGGA MINGGU 23/2020 (6 Jun 2020)**

<b>BIL</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH</b>	<b>BIL KES (Daerah)</b>	<b>BIL KES (Negeri)</b>
1	Perlis	-	-	-
2	Kedah	Baling Kota Setar Kuala Muda Kulim Pendang Sik Yan	1 1 3 1 2 2 1	11
3	P. Pinang	Barat Daya Timur Laut Seberang Perai Tengah	29 104 4	137
4	Perak	Batang Padang Hulu Perak Kampar Kerian Kinta Kuala Kangsar Larut, Matang & Selama Manjung	60 2 157 1 191 15 110 13	549
5	Selangor	Klang Petaling	1 2	3
6	WPKL & P	Kepong	1	1
7	N. Sembilan	-	-	-
8	Melaka	-	-	-
9	Johor	-	-	-
10	Pahang	Bera	1	1
11	Terengganu	-	-	-
12	Kelantan	Bachok Kota Bharu Kuala Krai Tanah Merah Tumpat	5 13 2 1 8	29
13	Sarawak	-	-	-
14	Sabah	Kota Kinabalu	1	1
15	WP Labuan	-	-	-
<b>JUMLAH KUMULATIF</b>			<b>732</b>	



